

**TERMA DAN SYARAT BAGI PERKHIDMATAN PEMBAYARAN ZAKAT SIMPANAN DAN PELABURAN  
BERKUAT KUASA 9 MAC 2026**

**PELANGGAN ADALAH DINASIHATI UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA DAN SYARAT SEBELUM BERSETUJU UNTUK MELANGGAN MANA-MANA PRODUK ATAU PERKHIDMATAN DAN/ATAU MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM MANA-MANA KEMPEN DAN PROMOSI BANK.**

<b>1.0</b>	<b>DEFINISI</b>
<b>1.1</b>	<p>Di dalam terma-terma dan syarat-syarat, melainkan jika diperuntukkan sebaliknya, perkataan-perkataan berikut hendaklah mempunyai erti seperti yang dinyatakan di bawah:</p> <p><b>"Akaun Layak"</b> merujuk kepada akaun yang memenuhi kriteria yang digariskan dalam Terma dan Syarat ini, di mana baki dalam akaun tersebut diambil kira dalam pengiraan jumlah zakat.</p> <p><b>"Bank Islam"</b> bermaksud Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat: 198301002944 (98127-X), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dengan alamat berdaftar di Tingkat 32, Menara Bank Islam, No. 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.</p> <p><b>"Pelanggan"</b> merujuk kepada pemegang akaun bagi Akaun Layak seperti yang ditakrifkan dalam Terma dan Syarat ini.</p> <p><b>"Nisab"</b> merujuk kepada nilai yang bersamaan dengan 85 gram emas, yang dikekalkan dalam sistem Bank Islam untuk tujuan pengiraan zakat. Nilai emas yang digunakan untuk pengiraan zakat ditentukan berdasarkan pengumuman atau komunikasi daripada Jabatan Waqf, Zakat dan Haji (JAWHAR).</p> <p><b>"Haul"</b> merujuk kepada tempoh setahun di mana zakat dikira.</p> <p><b>"Tahun taksiran"</b> merujuk kepada tahun di mana zakat dikira, berdasarkan kalendar tahunan</p> <p><b>"Perkhidmatan"</b> bermaksud Perkhidmatan Pembayaran Zakat ke atas Simpanan dan Pelaburan.</p> <p><b>"Kadar Zakat"</b> bermaksud 2.5% daripada jumlah keseluruhan dalam akaun yang layak untuk zakat.</p>
<b>2.0</b>	<b>PRINSIP SHARIAH</b>
<b>2.1</b>	<p><b>"Wakalah"</b> merujuk kepada suatu kontrak yang menyatakan satu pihak (muwakkil) memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejen untuk melaksanakan tugas tertentu, dalam perkara yang boleh diwakilkan, sama ada secara sukarela atau dengan bayaran yang ditetapkan.</p> <p>Di bawah perkhidmatan ini, Pelanggan, sebagai pihak prinsipal, memberi kuasa kepada Bank sebagai ejen untuk mengira dan membayar zakat ke atas simpanan dan pelaburan kepada Agensi Mengurus Zakat (AMZ).</p>
<b>3.0</b>	<b>PERMOHONAN</b>
<b>3.1</b>	<p>Pelanggan dikehendaki untuk mengisi borang permohonan dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan dan membawa bersama-sama dokumen-dokumen yang berkaitan sebagaimana yang diminta oleh Bank sekiranya ada.</p>
<b>3.2</b>	<p>Pelanggan mesti mengekalkan sekurang-kurangnya salah satu daripada akaun berikut dengan Bank untuk tujuan pembayaran zakat Akaun Simpanan-i Asas, Akaun Simpanan-i Qard, Akaun Semasa-i Asas, Akaun Semasa-i Qrad, Akaun Pelaburan Awfar, atau Akaun Pelaburan iGain. Pembayaran zakat akan dipotong secara automatik daripada akaun yang ditetapkan oleh pelanggan, seperti yang dipilih oleh pelanggan untuk tujuan ini.</p>

**TERMA DAN SYARAT BAGI PERKHIDMATAN PEMBAYARAN ZAKAT SIMPANAN DAN PELABURAN  
BERKUAT KUASA 1 MAC 2025**

3.3	Pelanggan mempunyai pilihan untuk menyalurkan pembayaran zakat mereka kepada AMZ yang mereka pilih. Harap maklum bahawa penyertaan AMZ mungkin berubah dari semasa ke semasa. Senarai penuh AMZ yang mengambil bahagian boleh didapati di laman web Bank Islam di <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a> .																				
<b>4.0</b>	<b>PENGIRAAN &amp; PEMBAYARAN ZAKAT</b>																				
4.1	<p>Akaun yang layak untuk tujuan perkhidmatan ini adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akaun Simpanan-i Qard</li> <li>• Akaun Semasa-i Qard</li> <li>• Akaun Pelaburan Awfar</li> <li>• Akaun Pelaburan Wafiyah</li> <li>• Akaun Simpanan-i Asas</li> <li>• Akaun Semasa-i Asas</li> <li>• Deposit Bertempoh-i (Tawarruq)</li> <li>• Akaun Pelaburan iGain</li> </ul> <p><b>Nota:</b> Senarai akaun yang layak mungkin akan ditambah pada masa akan datang. (Senarai lengkap akaun boleh didapati di laman web Bank Islam di <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a>).</p> <p>Akaun bersama, akaun amanah dan akaun bukan individu tidak akan termasuk dalam pengiraan zakat. Pelanggan bertanggungjawab untuk memenuhi kewajipan zakat bagi simpanan atau pelaburan tersebut sendiri.</p>																				
4.2	Terdapat dua kaedah pengiraan Zakat di bawah perkhidmatan ini, bergantung kepada kaedah yang digunakan oleh AMZ masing-masing. Pelanggan amat dinasihatkan untuk membaca dan memahami kaedah pengiraan sebelum melanggan perkhidmatan ini.																				
4.3	<p>Kaedah-kaedah tersebut adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li><b>1. Jumlah baki akhir pada 31 Oktober</b></li> <li><b>2. Jumlah baki terendah sepanjang Haul</b></li> </ol> <p>Untuk tujuan kaedah pengiraan zakat ini, senario berikut akan digunakan sebagai ilustrasi:</p> <table border="1" data-bbox="302 1150 1203 1213"> <thead> <tr> <th>Tahun Taksiran Zakat</th> <th>Jumlah Nisab 2024</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2024</td> <td>RM24,000</td> </tr> </tbody> </table> <ol style="list-style-type: none"> <li><b>1. Jumlah baki akhir pada 31 Oktober</b> Pengiraan Zakat akan berdasarkan jumlah baki akhir hari dalam Akaun Layak pelanggan pada 31 Oktober setiap tahun. Sekiranya baki akhir hari pada 31 Oktober mencapai atau melebihi ambang Nisab, jumlah tersebut akan didarab dengan kadar Zakat yang berkenaan untuk menentukan jumlah zakat</li> </ol> <p>Akaun Layak pelanggan yang dibuka sebelum Tahun taksiran akan diambil kira untuk pengiraan zakat. Sebaliknya, Akaun Layak yang dibuka sepanjang Tahun Taksiran semasa hanya akan dimasukkan jika terdapat Akaun Layak lain yang dibuka sebelum Tahun taksiran. Sekiranya tiada Akaun Layak dibuka pada Tahun taksiran sebelumnya, akaun baru hanya akan layak untuk pengiraan zakat pada tahun taksiran zakat yang akan datang. Jadual di bawah memberikan ilustrasi yang jelas mengenai perkara ini:</p> <table border="1" data-bbox="302 1667 1507 1856"> <thead> <tr> <th>Senario</th> <th>Akaun dibuka sebelum tahun taksiran</th> <th>Akaun dibuka semasa tahun taksiran</th> <th>Kelayakan untuk ditaksir</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Ya</td> <td>Tiada</td> <td>Semua akaun perlu ditaksir</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Ya</td> <td>Ya</td> <td>Semua akaun perlu ditaksir</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Tiada</td> <td>Ya</td> <td>Semua akaun tidak perlu ditaksir</td> </tr> </tbody> </table>	Tahun Taksiran Zakat	Jumlah Nisab 2024	2024	RM24,000	Senario	Akaun dibuka sebelum tahun taksiran	Akaun dibuka semasa tahun taksiran	Kelayakan untuk ditaksir	1	Ya	Tiada	Semua akaun perlu ditaksir	2	Ya	Ya	Semua akaun perlu ditaksir	3	Tiada	Ya	Semua akaun tidak perlu ditaksir
Tahun Taksiran Zakat	Jumlah Nisab 2024																				
2024	RM24,000																				
Senario	Akaun dibuka sebelum tahun taksiran	Akaun dibuka semasa tahun taksiran	Kelayakan untuk ditaksir																		
1	Ya	Tiada	Semua akaun perlu ditaksir																		
2	Ya	Ya	Semua akaun perlu ditaksir																		
3	Tiada	Ya	Semua akaun tidak perlu ditaksir																		

**TERMA DAN SYARAT BAGI PERKHIDMATAN PEMBAYARAN ZAKAT SIMPANAN DAN PELABURAN  
BERKUAT KUASA 1 MAC 2025**

Senario 1: Encik Ziqli telah membuka Akaun Simpanan-i Qard, Akaun Pelaburan Awfar sebelum tahun taksiran dan membuka Deposit Bertempoh-i (Tawarruq) pada tahun taksiran 2024. Oleh itu, kesemua akaun Encik Ziqli akan diambil kira untuk pengiraan Zakat Simpanan dibawah:

Sebelum tahun taksiran	Tahun taksiran zakat 2024
Akaun Simpanan-i Qard	-
Akaun Pelaburan Awfar	-
-	Deposit Bertempoh-i (Tawarruq)

Jenis akaun	Tarikh serta tahun akaun dibuka	Baki semasa pada 31 Oktober 2024 (RM)
Akaun Simpanan-i Qard	1 Februari 2014	10,000
Akaun Pelaburan Awfar	15 Mei 2016	50,000
Deposit Bertempoh-i (Tawarruq)	30 September 2024	5,000
Jumlah Keseluruhan Akaun Ziqli	-	<b>65,000</b>
<b>Jumlah Zakat</b>	-	<b>65,000 x 2.5% = RM 1,625</b>

**Nota:** Pengiraan ini terpakai untuk AMZ Kedah, Selangor & Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sila rujuk laman web untuk sebarang perubahan atau maklumat lanjut

## 2. Jumlah baki terendah sepanjang Haul

Pengiraan zakat akan berdasarkan jumlah baki akhir hari terendah pelanggan dalam akaun yang layak sepanjang tempoh haul. Sekiranya baki terendah semasa haul mencapai atau melebihi had Nisab, jumlah tersebut akan didarabkan dengan kadar zakat yang berkenaan untuk menentukan jumlah zakat.

Bagi taksiran zakat menggunakan kaedah baki terendah, terdapat dua pembolehubah yang berkaitan dengan tempoh haul:

### 2.1 Haul Tetap

Tempoh haul berlangsung selama setahun, bermula apabila baki akaun yang layak mencapai atau melebihi jumlah Nisab. Setelah tempoh haul tamat dan zakat dibayar (jika berkenaan), tempoh haul yang baru akan bermula serta-merta, dengan syarat baki keseluruhan dalam akaun yang layak kekal sama atau melebihi Nisab. Jika baki jatuh di bawah Nisab, tempoh haul yang baru akan bermula apabila baki akaun yang layak mencapai atau melebihi jumlah Nisab sekali lagi.

Senario 1: Encik Luqman mempunyai Akaun Simpanan-i Qard dan Akaun Pelaburan Awfar yang dibuka sebelum tahun taksiran serta membuka Deposit Bertempoh-i Tawarruq pada tahun taksiran 2024.

Sebelum tahun taksiran	Tahun taksiran zakat 2024
Akaun Simpanan-i Qard	-
Akaun Pelaburan Awfar	-
-	Deposit Bertempoh-i (Tawarruq)

Tarikh	*Baki Akhir Harian (RM) sepanjang tempoh Haul			Jumlah Amaun (RM)
	Akaun Simpanan-i Qard	Akaun Pelaburan Awfar	Deposit Bertempoh-i (Tawarruq))	
1 Januari 2024	30,000	3,000	2,000	35,000
22 April 2024	10,000	15,000	1,000	<b>26,000</b>
31 Disember 2024	1,000	1,500	25,000	27,500

**TERMA DAN SYARAT BAGI PERKHIDMATAN PEMBAYARAN ZAKAT SIMPANAN DAN PELABURAN  
BERKUAT KUASA 1 MAC 2025**

<b>Jumlah Zakat</b>	<b>RM26,000 x 2.5% = RM 650</b>
---------------------	---------------------------------

**Nota:** RM26,000 adalah baki terendah dalam tempoh haul.

Senario 2: Encik Shahrul mempunyai Akaun Simpanan-i Qard dan Akaun Pelaburan Awfar yang dibuka sebelum tahun taksiran serta membuka Deposit Bertempoh-i Tawarruq pada tahun taksiran 2024.

Sebelum tahun taksiran	Tahun taksiran zakat 2024
Akaun Simpanan-i Qard	-
Akaun Pelaburan Awfar	-
-	Deposit Bertempoh-i (Tawarruq)

Tarikh	*Baki Akhir Harian (RM) sepanjang tempoh Haul			Jumlah Amaun (RM)
	Akaun Simpanan-i Qard	Akaun Pelaburan Awfar	Deposit Bertempoh-i (Tawarruq)	
1 Januari 2024	30,000	3,000	2,000	35,000
22 April 2024	10,000	1,500	2,500	14,000
31 Disember 2024	1,000	3,500	1,000	<b>5,500</b>
<b>Jumlah Zakat</b>	<b>Tiada zakat dikenakan kerana baki terendah dalam tempoh haul adalah RM5,500.</b>			

## 2.2 Haul Fleksibel

Haul bermula apabila baki akaun yang layak mencapai atau melebihi jumlah Nisab. Sekiranya baki akhir hari dalam tempoh haul jatuh di bawah Nisab, haul akan dibatalkan. Tempoh haul baharu akan bermula apabila baki akaun mencapai atau melebihi Nisab semula. Jumlah zakat akan dikira berdasarkan baki terendah sepanjang tempoh satu tahun, yang kemudiannya didarab dengan kadar Zakat. Setelah selesai tempoh haul, tempoh haul baharu akan bermula dengan serta-merta, dengan syarat baki keseluruhan kekal sama atau melebihi Nisab. Jika baki jatuh di bawah Nisab, tempoh haul akan dimulakan semula apabila baki akaun yang layak mencapai atau melebihi Nisab sekali lagi.

Senario 1: Puan Amira mempunyai Akaun Simpanan-i Qard dan Akaun Pelaburan Awfar yang dibuka sebelum tahun taksiran serta membuka Deposit Bertempoh-i Tawarruq pada tahun taksiran 2024.

Sebelum tahun taksiran	Tahun taksiran zakat 2024
Akaun Simpanan-i Qard	-
Akaun Pelaburan Awfar	-
-	Deposit Bertempoh-i (Tawarruq)

Tarikh	*Baki Akhir Harian (RM) sepanjang tempoh Haul				Status Nisab	Status
	Akaun Simpanan-i Qard	Akaun Pelaburan Awfar	Deposit Bertempoh-i (Tawarruq)	Jumlah Amaun (RM)		
30 Disember 2023	3,000	3,000	2,000	8,000	Tidak mencapai Nisab	Zakat didaftarkan
1 Januari 2024	10,000	15,000	25,000	50,000	Mencapai Nisab	Tempoh haul bermula

**TERMA DAN SYARAT BAGI PERKHIDMATAN PEMBAYARAN ZAKAT SIMPANAN DAN PELABURAN  
BERKUAT KUASA 1 MAC 2025**

22 April 2024	30,000	3,000	2,000	<b>35,000</b>	Mencapai Nisab	Haul bermula dari 1 Januari 2024
31 Disember 2024	3,000	50,000	2,000	55,000	Mencapai Nisab	Tempoh haul tamat
<b>Jumlah Zakat</b>	<b>RM35,000 x 2.5% = RM 875</b>					

**Nota:** RM35,000 adalah baki terendah dalam tempoh haul.


Senario 2: Encik Abu mempunyai Akaun Simpanan-i Qard dan Akaun Pelaburan Awfar yang dibuka sebelum tahun taksiran serta membuka Deposit Bertempoh-i Tawarruq pada tahun taksiran 2024.

Sebelum tahun taksiran	Tahun taksiran zakat 2024
Akaun Simpanan-i Qard	-
Akaun Pelaburan Awfar	-
-	Deposit Bertempoh-i (Tawarruq)

Tarikh	*Baki Akhir Harian (RM) sepanjang tempoh Haul				Status Nisab	Status
	Akaun Simpanan-i Qard	Akaun Pelaburan Awfar	Deposit Bertempoh-i (Tawarruq)	Jumlah Amaun (RM)		
30 Disember 2023	3,000	3,000	2,000	8,000	Tidak mencapai Nisab	Zakat didaftarkan
1 Januari 2024	30,000	3,000	2,000	35,000	Mencapai Nisab	Tempoh haul bermula
10 Mac 2024	1,000	1,500	500	3,000	Tidak mencapai Nisab	Haul 1 Januari 2024 terbatal
22 April 2024	10,000	15,000	1,000	26,000	Mencapai Nisab	Haul bermula semula
20 Mei 2024	1,000	1,500	1,000	3,500	Tidak mencapai Nisab	Haul 22 April 2024 terbatal
<b>Jumlah zakat</b>	<b>Tiada zakat dikenakan pada 22 April 2025 kerana Haul pada 22 April 2024 terbatal pada 20 Mei 2024</b>					

**Nota:** Tempoh haul adalah 365 hari. Jika baki anda jatuh di bawah nisab, haul semasa akan dibatalkan, dan haul baru akan bermula apabila baki melebihi nisab sekali lagi.

**TERMA DAN SYARAT BAGI PERKHIDMATAN PEMBAYARAN ZAKAT SIMPANAN DAN PELABURAN  
BERKUAT KUASA 1 MAC 2025**

	 <p><b>Nota:</b> Senarai AMZ akan dikemas kini dari semasa ke semasa, bergantung kepada penyertaan AMZ pada waktu tertentu. Senarai penuh Agensi AMZ yang menyertai perkhidmatan ini boleh didapati di laman web Bank Islam di <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a>.</p>
4.4	Akaun yang dibekukan atau digunakan sebagai cagaran akan dikecualikan daripada pengiraan zakat di bawah perkhidmatan ini.
4.5	Bank Islam akan memberitahu pelanggan yang layak sebelum men debit akaun mereka untuk pembayaran zakat. Pelanggan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa baki dalam akaun yang ditetapkan (seperti yang dinyatakan dalam klausa 3.2) mencukupi untuk menampung pembayaran zakat.
4.6	Resit rasmi bagi pembayaran zakat yang dibuat melalui perkhidmatan ini akan dikeluarkan oleh AMZ dan dihantar terus kepada pelanggan sama ada secara elektronik atau fizikal, bergantung pada pilihan AMZ. Sekiranya terdapat sebarang ralat atau jika pelanggan tidak menerima resit rasmi, mereka dinasihatkan untuk menghubungi AMZ secara langsung untuk mendapatkan bantuan.
4.7	Sekiranya akaun yang ditetapkan ditutup, dibekukan, atau jika baki tidak mencukupi untuk menampung pembayaran zakat, Bank Islam tidak akan cuba men debit sebarang akaun lain yang tersedia. Dalam kes sedemikian, Bank tidak akan membuat pembayaran zakat bagi pihak pelanggan untuk tahun penilaian tersebut. Pelanggan akan bertanggungjawab untuk memenuhi kewajipan zakat mereka secara bebas untuk tahun tersebut.
4.8	Sekiranya Bank Islam gagal men debit akaun pelanggan seperti yang dinyatakan dalam klausa 4.7, perkhidmatan ini tidak akan dihentikan secara automatik. Sebaliknya, Bank Islam akan terus menyediakan perkhidmatan ini untuk tahun taksiran berikutnya, melainkan pelanggan menamatkan perkhidmatan tersebut.
4.9	Sekiranya Pelanggan ingin menamatkan Perkhidmatan ini, Pelanggan perlu mengisi borang Permohonan Perkhidmatan Pembayaran Zakat Simpanan Dan Pelaburan di mana-mana cawangan Bank Islam.
5.0	<b>YURAN DAN CAJ</b>
5.1	Tiada sebarang yuran atau caj dikenakan kepada Pelanggan untuk Perkhidmatan ini.
6.0	<b>PENDEDAHAN MAKLUMAT</b>

**TERMA DAN SYARAT BAGI PERKHIDMATAN PEMBAYARAN ZAKAT SIMPANAN DAN PELABURAN  
BERKUAT KUASA 1 MAC 2025**

6.1	Pelanggan memberikan kebenaran kepada Bank Islam untuk memproses data peribadi pelanggan mengikut Notis Privasi Bank Islam yang telah ditandatangani oleh pelanggan, yang boleh didapati di laman web Bank Islam di <a href="https://www.bankislam.com/wp-content/uploads/BankIslam-PrivacyNotice_NotisPrivasi.pdf">https://www.bankislam.com/wp-content/uploads/BankIslam-PrivacyNotice_NotisPrivasi.pdf</a> .
6.2	Bank Islam akan berkongsi data peribadi pelanggan kepada AMZ untuk memenuhi tanggungjawabnya di bawah perkhidmatan ini. Oleh itu, pelanggan memberikan persetujuan kepada Bank Islam dengan melanggan Perkhidmatan ini untuk berkongsi nama, nombor ID, alamat surat menyurat, dan jumlah zakat mereka dengan AMZ pilihan mereka, mengikut keperluan untuk tujuan perkhidmatan ini, termasuk pengeluaran resit pembayaran zakat
<b>7.0</b>	<b>TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN</b>
7.1	Bank Islam dan sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen (selepas ini dirujuk sebagai "Bank Islam") yang terlibat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan/atau sebarang kecederaan dan/ atau kehilangan ke atas nyawa dan/atau kerugian harta benda yang timbul daripada Perkhidmatan ini. Bank Islam tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun sama ada secara langsung atau tidak langsung, atas sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan/atau apa-apa yang dialami oleh Pelanggan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, berhubung dengan pelanggan dalam melanggan, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang dan/atau akibat daripada sebarang tindakan atau pengabaian apa juga dari Bank Islam. Bank Islam tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun bagi segala urusan di luar bidang dan kawalan Bank Islam dalam pentadbiran dan pemprosesan Perkhidmatan ini.
7.2	Bank Islam berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung Perkhidmatan ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui media elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank Islam mahupun di laman web Bank Islam. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Perkhidmatan oleh Bank Islam, tidak membolehkan Pelanggan membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank Islam bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa juga yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan sama ada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
7.3	Pelanggan dinasihatkan untuk melayari laman web Bank Islam dari semasa ke semasa untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat Perkhidmatan untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat.
7.4	Jika terdapat apa-apa perubahan dalam maklumat peribadi Pelanggan seperti alamat atau nombor telefon selainya, Pelanggan perlu memaklumkan kepada pihak Bank dengan segera untuk memastikan semua komunikasi dapat disampaikan kepada Pelanggan dengan segera.
7.5	Sekiranya mana-mana peruntukan dalam terma dan syarat ini adalah tidak sah, menyalahi undang-undang dan tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang atau oleh apa-apa sebab sekalipun, kesahihan dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan yang selebihnya tidak akan terjejas.
<b>8.0</b>	<b>UNDANG-UNDANG</b>
8.1	Terma-terma dan syarat-syarat ini akan ditadbir oleh atau tertakluk kepada undang-undang Malaysia.